

## 11) SKIM CERIA

**Adun :** Y.B. Puan Pua Pei Ling (N37 Bukit Lanjan)

**Kategori :** Lisan

**Sesi :** 3 (2024)

Sub soalan :

- a) **Berapa banyak pangsapuri kos rendah dan sederhana yang telah menerima manfaat daripada Skim CERIA bagi tahun 2024? Nyatakan jumlah peruntukan yang telah disalurkan.**

Yang Berhormat, sehingga 31 Oktober 2024 sebanyak 12 projek Skim CERIA telah diluluskan kepada 12 skim pangsapuri kos rendah melibatkan kawasan di bawah pentadbiran Majlis Bandaraya Shah Alam, Majlis Bandaraya Petaling Jaya, Majlis Bandaraya Subang Jaya, Majlis Bandaraya Diraja Klang, Majlis Perbandaran Ampang Jaya, Majlis Perbandaran Selayang dan Majlis Perbandaran Kajang dengan peruntukan sebanyak RM5,501,142.50 dibelanjakan bagi kos-kos projek penggantian keseluruhan bumbung, penggantian lif baharu, penggantian tangki air dan mengecat semula bangunan.

- b) **Adakah skim ini merangkumi bantuan baik pulih cerun berisiko di kawasan pangsapuri kos rendah?**

Untuk pengetahuan Yang Berhormat, Skim CERIA hanya merangkumi kerja-kerja baik pulih fizikal bangunan pangsapuri seperti penggantian keseluruhan bumbung, penggantian lif baharu, penggantian tangki air dan retikulasi, mengecat semula bangunan serta infrastruktur awam. Bagi kerja-kerja baik pulih cerun ianya tidak termasuk di dalam skop bantuan program Skim CERIA kerana kerja-kerja pembaikan cerun memerlukan kos yang tinggi dan peruntukan Skim CERIA tidak mampu untuk menanggung kos tersebut dan dalam masa yang sama pembaikan cerun ini memerlukan kepakaran khusus dalam bidang geoteknikal. Sekiranya terdapat keperluan untuk kerja-kerja tersebut, kebiasaanya bantuan daripada Pihak Berkuasa Tempatan diperlukan untuk mendapatkan peruntukan kos daripada Kerajaan Negeri atau Kerajaan Persekutuan.

- c) **Apakah KPI pemprosesan permohonan?**

Bagi semua permohonan Skim CERIA, ia mestilah dilakukan secara atas talian melalui pautan "eceria.lphs.gov.my" yang diselia oleh Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS). Permohonan akan disemak dan disahkan dalam

tempoh lima (5) hari bekerja sebelum permohonan tersebut layak untuk disenarai pendek bagi pemilihan projek Skim CERIA. Senarai pendek kemudiannya akan dibawa ke mesyuarat Jawatankuasa Pemilihan Projek Skim CERIA untuk pemilihan. Antara kriteria utama pemilihan di bawah Program Skim CERIA telah menetapkan permohonan dari pangsapuri kos rendah dan kos sederhana rendah yang mempunyai badan pengurusan atau ejen pengurusan yang aktif serta mempunyai baki simpanan kutipan fi penyelenggaraan yang baik. Pihak urusetia Skim CERIA akan meneliti secara teknikal jenis kerosakan dan tahap kritikal kerosakan sesebuah pangsapuri sebelum ianya dipilih sebagai penerima Skim CERIA, walau bagaimanapun ia tertakluk kepada peruntukan Kerajaan Negeri pada tahun semasa.

Disediakan Oleh :  
**(MOHD HAFIZ BIN HASSAN) A.M.S.**  
Timbalan Pengarah Eksekutif  
Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor

Tarikh : November 2024

Disemak Oleh :  
**(DATO' TPr Dr JUHARI BIN AHMAD)**  
**D.I.M.P., A.M.N., S.I.S., A.M.S.**  
Pengarah Eksekutif  
Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor

Tarikh : November 2024

Disahkan Oleh :  
**(YB DATUK BORHAN BIN AMAN SHAH)**  
**D.M.S.M., P.J.K.**  
EXCO Perumahan Dan Kebudayaan  
Jawatankuasa Tetap Perumahan Dan  
Pembangunan Bandar Lestari

Tarikh : November 2024